



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

#### KERAJAAN TERUSKAN AGENDA PERALIHAN TENAGA, 48 PROJEK TENAGA BOLEH BAHARU DILULUSKAN

**Putrajaya, 18 Julai 2025** – Selaras dengan hasrat negara untuk meningkatkan campuran tenaga boleh baharu (TBB) dalam pembekalan elektrik negara, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air melalui Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia telah meluluskan pembangunan bagi pelaksanaan 48 projek Tenaga Boleh Baharu (TBB) daripada sumber biogas, biojisim dan hidrokuasa kecil dengan kapasiti sebanyak 181.25MW, di bawah mekanisme Tarif Galakan atau *Feed-in Tariff* (FiT). Projek TBB yang diluluskan ini dijangka akan menjana nilai pelaburan berjumlah RM1.87 bilion dalam sektor TBB dan akan mula membekalkan tenaga elektrik hijau kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) seawal tahun 2028.

Kerajaan telah mengumumkan penawaran dan pembukaan permohonan kelulusan tarif galakan berjumlah 190MW bagi tiga sumber TBB iaitu biogas, biojisim dan hidrokuasa kecil pada 15 Januari 2025 hingga 19 Februari 2025. Penawaran ini bertujuan untuk mempelawa permohonan daripada pemaju TBB yang layak untuk menyertai proses bidaan secara *e-bidding*. Sebanyak 59 permohonan telah diterima dan 48 permohonan yang memenuhi kriteria teknikal dan kewangan yang ditetapkan telah

diluluskan. Kelulusan ini merangkumi 20 projek dengan jumlah kuota 30.93MW untuk penjana tenaga elektrik hijau daripada sumber biogas, 8 projek dengan jumlah kuota 53.50MW untuk penjana tenaga elektrik hijau daripada sumber biojisim dan 20 projek dengan jumlah kuota 96.82MW untuk penjana tenaga elektrik hijau daripada sumber hidrokuasa kecil.

Pelaksanaan projek TBB baharu di bawah mekanisme Tarif Galakan ini adalah sebahagian daripada komitmen PETRA dalam meningkatkan kapasiti campuran TBB dalam pembekalan elektrik negara kepada 70% menjelang tahun 2050. Usaha peningkatan kapasiti sumber biogas, biojisim dan hidrokuasa kecil ini juga akan memperkukuhkan lagi daya harap pembekalan elektrik negara dengan mempelbagaikan sumber penjana TBB selain membekalkan bekalan elektrik yang bersifat *firm* atau konsisten.

Maklumat lanjut mengenai keputusan *e-bidding* di bawah mekanisme Tarif Galakan yang dikendalikan SEDA Malaysia ini boleh diperolehi melalui laman sesawang SEDA Malaysia di pautan [www.seda.gov.my](http://www.seda.gov.my).

PETRA yakin inisiatif TBB di bawah mekanisme Tarif Galakan yang dilaksanakan ini bakal menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri TBB negara yang lebih progresif dan positif, sejajar dengan prinsip utama Malaysia MADANI yang menekankan nilai kemampanan, inovasi serta kesejahteraan bersama.

**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**  
**18 JULAI 2025**